G/

Encik Kamarudin

Fail. 96/1014

(5)

Ucapan ADHO 577 196/80

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK HUSSEIN ONN, DI PEMBUKAAN SEKOLAH RENDAH PENGKALAN CHEPA, KELANTAN, PADA 7 April, 1973 JAM : 8.30 pagi

---

1. Y. Berusaha Datuk Pengerusi serta ahli2 Jemaah Pengurus.
2. Guru Besar serta guru2
3. Ahli2 yang Berhormat
4. Datuk2 Datin2
5. Murid2
6. Tuan dan puan2

x x

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sekalian yang berkenaan, kerana menjemput serta memberi kehormatan kepada saya meresmikan pembukaan bangunan bahru sekolah ini.

~~Saya sungguh berasa gembira berpeluang bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekelian pada hari yang bahagia ini.~~

2. Saya telah diberi tahu bahawa Sekolah Rendah ini dahulunya, terdiri dari Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris. Kedua-duanya telah dicantum menjadi Sekolah Rendah Pengkalan Chepa mulai 1 Jun, 1972. Tindakan mencantum sekolah-sekolah kecil menjadi satu sekolah yang lebih munasabah besarnya, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran, kerana besar faedah-faedahnya dari segi pendidikan dan persekolahan. Kadangkala, terdapat juga ~~sedikit masaalah~~ kesulitan bila melaksanakan dasar ini, tetapi saya telah mendapat tahu bahawa ~~kerja-kerja ini~~ perlaksanaan, telah dijalankan dengan licin dan tenteram.

...2

3. ~~Sekolah~~ Bangunan ini yang baru sahaja telah siap dibena, dan menelan belanja sebanyak $264,000, mengandungi 16 bilik darjah, pejabat, bilik guru besar, setor, kantin, bekalan air, letrik, pagar dan lain-lain kemudahan. Saya diberitahu bahawa penduduk di daerah ini, [redacted] memandang dan mengambil berat terhadap kemajuan murid-murid sekolah ini. Jika demikian, saya yakin, bahawa pada masa hadapan kejayaan sekolah ini, amatlah cerah.

4. Pihak Kerajaan telah ~~melaksanakan~~ menjalankan tugasnya; maka terpulanglah kepada ibu-ibubapa, guru-guru dan murid-murid sendiri pula menggunakan peluang-peluang itu dengan sepenoh² dan sebaik²nya. ~~baik untuk meninggikan mutu pelajaran anak-anak kita sekalian.~~ Persatuan - Persatuan Ibubapa dan Guru akan ditubohkan di semua sekolah. ~~Persatuan-Persatuan Ibubapa dan Guru akan dapat~~ ditubohkan ~~di semua sekolah~~ di ~~seluruh Malaysia Barat pada akhir~~ tahun 1974 ~~selewat-lewatnya~~. Setahu saya, di Kelantan ini PIBG di sekolah-sekolah, adalah cergas dan lebih 60% sekolah-sekolah di Kelantan telah menubohkan persatuan ini. ~~Tetapi~~ Tindakan Kerajaan mengenai pertubohan persatuan ini, dipercayai, akan menentukan aktiviti mereka menjadi lebih teratur, berkesan dan lancar.

5. ~~Setahu saya di Pengkalan Chepa~~ Saya telah diberi tahu bahawa di sekolah ini, PIBG telah memainkan peranan yang penting dalam bidang persekolahan, kerana ibu-ibubapa di sini kebanyakkannya, terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan seperti pasukan tentera, polis dan sebagainya. Mereka mempunyai kesedaran mendalam terhadap pelajaran. Contoh yang paling baik ialah Datuk Pengerusi Jumaah Pengelola Sekolah ini sendiri. Beliau adalah seorang tokoh pegawai tadbir yang terkenal dan amat aktif ~~untuk~~ dalam segi kemajuan pelajaran. Beliau menjadi Pengerusi di beberapa buah sekolah, selain daripada sekolah ini. Untuk mengenangkan dan menghargakan jasa-jasanya itu, sekolah ini adalah dinamakan " SEKOLAH RENDAH DATUK HASHIM, PENGKALAN CHEPA " mulai dari sekarang.

6. Perkembangan pelajaran di Pengkalan Chepa ini sangatlah pesat. Selain daripada Sekolah Rendah Datuk Hashim ini, terdapat pula Sekolah Menengah, Sekolah Vokesyenal, Maktab Perguruan, Sekolah Sains Mara dan Sekolah Menengah Sains yang sedang di-dirikan dengan belanja lebih daripada $2 juta. ~~lebih~~. Sekolah Menengah Sains ini adalah satu daripada 10 buah Sekolah~~-Sekolah~~ Menengah Sains yang didirikan di seluroh Malaysia Barat. Tujuan Kerajaan ialah untuk membanyakkan lagi bilangan murid² ~~meninggikan mata-~~ belajar sains dan teknologi serta qualiti-nya dalam pelajaran² ini. ~~pelajaran sains terutama pada murid-murid dari luarbandar~~.

...6

7. Mendirikan sesebuah sekolah itu bukanlah suatu perkara yang ringan. Selain daripada masaalah-masaalah yang berkaitan dengan pengambilan tanah, kita perlu menyelidek betul-betul supaya perbelanjaan wang negara tidak sia-sia sahaja oleh kerana salah anggaran. Sebuah sekolah rendah yang sederhana, katakanlah yang mempunyai jumlah murid-murid seramai 500 orang, menelan belanja sebanyak lebih kurang $250,000; sekolah menengah yang sedemikian besarnya, biasanya menelan belanja lebih kurang $450,000. Ini semua tidak termasuk belanja membeli tanah. Ini sepatutnya tidak menghairankan kerana mengikut taksiran biasa, sebuah makmal sains sahaja berharga $25,000 satu unit, bilik-bilik seni perusahaan menelan belanja sebanyak lebih kurang $77,000

...7

dan bilik seni rumahtangga berharga lebih kurang $39,000. Dalam pada itu, negeri Kelantan dijangka akan menjalankan rancangan-rancangan yang pesat, yang akan menelan belanja lebih kurang 38 juta ringgit dalam rancangan Malaysia Kedua ini. Lima juta telahpun diluluskan untuk rancangan-rancangan tahun 1973 ini.

8. Saya harap dengan adanya pembangunan rancangan-rancangan kita yang sebegini pantas dan besar-besaran, dalam masa yang paling singkat, negeri Kelantan akan muncul sebagai satu lagi gedong pelajaran yang subur di negara ini. Saya tahu ketika ini terdapat ramai murid-murid dari Kelantan, menuntut di-kelima-lima buah universiti kita dan di-universiti-universiti luar negeri.

...9

8A Satu hari kelepasan pada 16 hb April
balek sekolah pada 17 hb. April.

9. Akhir ~~sekali~~ kata, saya berdoa agar bangunan sekolah yang indah ini dapat melahirkan jenerasi-jenerasi muda yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan dapat melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang seberapa tinggi yang boleh. ~~Saya dengan penuh gembira, meresmikan pembukaan " SEKOLAH RENDAH DATUK HASHIM, PENGKALAN CHEPA~~ ". Allah chuchurkan rahmat serta memberi taufik dan hidayah kepada Pengurusi dan ahli$^2$ Jumaah Pengelola, Guru Besar, ~~guru$^2$~~ guru$^2$ dan murid$^2$ ~~sekolah ini~~ sekolah ini supaya berjaya dalam tugas mereka masing$^2$. Dengan doa ini maka saya dengan amat sukacitanya meresmikan pembukaan bangunan baharu " Sekolah Rendah Datuk Hashim, Pengkalan Chepa".

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/u

No Siri 542
No Penerimaan 187/80

Please type

542 - (87/8

~~Deraf~~ Ucapan Y.B.Menteri Pelajaran,
Datuk Hussein Onn,di Pembukaan Sekolah
Rendah Pengkalan Chepa,Kelantan,
pada 7~~hb~~.April,1973, jam 8.30 pagi

~~Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,~~

Saya sungguh berasa gembira ~~kerana~~ berpeluang ~~untuk~~ bersama2 dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari yang bahagia ini.

2. Saya telah diberi tahu bahawa Sekolah Rendah ini dahulunya terdiri dari Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris. Kedua-duanya telah dicantum menjadi Sekolah Rendah Pengkalan Chepa mulai 1~~hb~~.Jun,1972. Tindakan mencantum sekolah-sekolah kecil menjadi satu sekolah yang lebih menasabah besarnya adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran, kerana besar faedah-faedahnya dari segi pendidikan dan persekolahan. Kadangkala terdapat juga sedikit masaalah melaksanakan dasar ini,tetapi saya telah mendapat tahu bahawa kerja-kerja ini telah dijalankan dengan licin dan tenteram.

3. Sekolah ini telah siap dibina dalam bulan April, 1973, dengan menelan belanja sebanyak $264,000/- yang mengandungi 16 bilik darjah, pejabat, bilik guru besar, setor, kantin, bekalan air, letrik, pagar, dan lain-lain kemudahan. Saya diberitahu bahawa penduduk di-daerah ini amat memandang berat terhadap kemajuan murid-murid sekolah ini. Jika demikian, saya yakin, masa hadapan sekolah ini adalah amat cerah.

4. Pehak Kerajaan telah melaksanakan tugasnya; maka terpulanglah kepada ibu-ibubapa, guru-guru dan murid-murid sendiri pula menggunakan peluang-peluang itu dengan baik untuk meninggikan mutu pelajaran anak-anak kita sekalian. ~~itu.~~ Persatuan-persatuan Ibubapa dan Guru-~~Guru~~ akan ~~siap~~ dapat ditubuhkan di semua sekolah ~~sekolah~~ di seluruh Malaysia Barat pada akhir tahun 1974 selewat-lewatnya. Setahu saya, di Kelantan ini PIBG di-sekolah-sekolah adalah ~~aktif~~ cergas dan lebih 60% sekolah-sekolah di Kelantan telah menubuhkan persatuan ini. Tetapi tindakan Kerajaan mengenai pertubuhan persatuan ini, dipercayai, akan menentukan aktibiti mereka menjadi lebih teratur, berkesan dan lancar.

5. Setahu saya di Pengkalan Chepa ini, PIBG telah memainkan peranan yang penting dalam bidang persekolahan kerana ibu-ibubapa di sini kebanyakannya terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan saperti pasukan tentera, polis dan sebagainya. Mereka mempunyai kesedaran mendalam terhadap pelajaran. Contoh paling baik ialah Datuk Pengerusi Jumaah Pengelola Sekolah ini sendiri. Beliau adalah seorang tokoh pegawai tadbir yang terkenal dan amat aktif untuk kemajuan pelajaran. Beliau menjadi Pengerusi di beberapa buah sekolah selain daripada sekolah ini.

Untuk mengenangkan jasa-jasanya itu, sekolah ini dinamakan 'SEKOLAH RENDAH DATUK HASHIM, PENGKALAN CHEPA' mulai dari sekarang.

6. Perkembangan pelajaran di Pengkalan Chepa ini sangat pesat. Selain daripada Sekolah Rendah Datuk Hashim ini, terdapat pula Sekolah Menengah, Sekolah Vokesyenal, Maktab Perguruan, Sekolah Sains Mara dan Sekolah Menengah Sains yang didirikan dengan belanja ~~lebih~~ $2 juta. Sekolah ini adalah satu daripada ~~[illegible] buah~~ Sekolah Menengah Sains yang didirikan di seluruh Malaysia. Tujuan kerajaan ialah untuk meninggikan mata pelajaran Sains terutama pada murid-murid dari luar bandar.

7. Mendirikan sebuah sekolah itu bukanlah suatu perkara yang ringan. Selain daripada masaalah-masaalah yang berkaitan dengan pengambilan tanah, kita perlu menyelidek betul-betul supaya perbelanjaan wang negara tidak sia-sia sahaja oleh kerana salah anggaran. Sebuah sekolah rendah yang sederhana, katakanlah yang mempunyai jumlah murid-murid seramai 500 orang, menelan belanja sebanyak lebih kurang $250,000.; sekolah menengah yang sedemikian besarnya, biasanya ~~memakan~~ menelan belanja ~~sebanyak~~ lebih kurang $450,000. ~~Itu~~ Ini semua tidak termasuk belanja membeli tanah. Ini sepatutnya tidak menghairankan kerana mengikut taksiran biasa, sebuah makmal sains sahaja berharga $25,000/- satu unit, bilek-bilek Seni Perusahaan memakan belanja sebanyak lebih kurang $77,000/- dan bilek Seni Rumah Tangga berharga lebih kurang $39,000/- . Dalam pada itu, negeri Kelantan dijangka akan menjalankan rancangan-rancangan yang pesat, ~~memakan~~ yang akan menelan belanja lebih kurang 38 juta ringgit dalam rancangan Malaysia Kedua ini. Lima juta telah pun diluluskan untuk rancangan-rancangan tahun 1973 ini.

8. Saya harap dengan adanya pembangunan rancangan-rancangan kita yang sebegini pantas dan besar-besaran, dalam masa yang paling singkat, ~~dari sekarang,~~ negeri Kelantan akan muncul sebagai satu lagi gedong pelajaran yang subur di negara ini. Saya tahu ketika ini ~~sekarang sahaja~~ ~~sudah~~ ~~ada~~ terdapat ramai murid-murid dari Kelantan menuntut di-kelima$_2$ buah Universiti-~~Universiti~~ kita dan di Universiti$_2$ Luar Negeri.

9. Akhir sekali saya berdoá agar bangunan sekolah yang indah ini dapat melahirkan jenerasi-jenerasi muda yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang seberapa tinggi yang boleh. ~~Dengan itu, inilah~~ Saya dengan penuh gembira, meresmikan pembukaan 'Sekolah Rendah Datuk Hashim, Pengkalan Chepa'.

~~Terima kasih.~~